

# Dedah generasi muda pulihara hutan

**Rompin:** Kesedaran terhadap usaha mengekalkan hutan untuk kepentingan alam sekitar perlu dipupuk bermula pada peringkat sekolah, kata Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman.

Beliau berkata, usaha itu dapat menyemai perasan sa- yangkan alam sekitar dalam kalangan generasi muda, se- kali gus membuatkan me- reka mengambil berat ter- hadap aktiviti pencerobohan hutan.

Katanya, dalam mencapai matlamat itu, pihaknya me- nganjurkan pelbagai pro- gram antaranya aktiviti me- nanam pelbagai spesies po- kok di persekitaran sekolah termasuk di kawasan la- pang.

“Aktiviti menanam pokok spesies ru dan jambu laut dilakukan di kawasan pesisir pantai di beberapa daerah di

negeri ini bagi menghalang hakisan selain sebagai tedu- han semula jadi untuk pen- gunjung.

“Sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga membantu menjayakan aktiviti penanaman pokok yang kini dilakukan di se- luruh negeri dengan tum- puan di kawasan hutan simpan yang menjadi se- bagai lokasi tadahan air,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Kem Perhutanan peringkat ne- geri 2014 di hutan Taman Negeri Endau-Rompin, di sini.

Seramai 195 pelajar se- kolah menengah di negeri ini menyertai program empat hari itu yang mem- babitkan aktiviti seperti ikhtiar hidup, merentas denai dan mengenal hu- tan.

Mohd Paiz berkata,

program yang mendapat kerjasama Jabatan Pendi- dikan negeri itu menyak- sikan pelajar berpeluang menanam kira-kira 100 pokok herba pelbagai spe- sies seperti tongkat ali dan kacip fatimah dalam ka- wasan tapak botani Taman Negeri Endau-Rompin.

Pelajar Sekolah Mene- ngah Kebangsaan (SMK) Bukit Damar, Temerloh Nuradilah Syakirah Basru- din, 16, berkata, banyak pengalaman menarik di- peroleh sepanjang mengi- kuti kem perhutanan yang dianggap begitu mencabar dan menguji kecergasan.

“Walaupun agak mem- natkan, pengalaman ber- jalan dalam hutan lebih li- ma jam dan memasak nasi dalam buluh tidak akan saya lupakan.

“Ia tidak akan saya pe- roleh jika tidak menyertai program ini,” katanya.



MOHD Paiz (kiri) menanam pokok tongkat ali pada perasmian penutup Kem Perhutanan Peringkat Negeri 2014 di Taman Negeri Endau-Rompin.

METRO KAWU  
4/16/14.